

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 18/5/2013

Muka surat: 1

Tajuk : Profesor Dato' Dr Mohd Kadim Suaidi Naib Canselor Baharu UNIMAS.



**BINCANG-BINCANG** ... Profesor Dato' Dr Mohd Kadim Suaidi (tiga dari kanan) berbual mesra dengan Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, Kuching semalam. Turut kelihatan (dari kiri) Profesor Dr Peter Songan dan Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman. • PENERANGAN

# Profesor Dato' Dr Mohd Kadim Suaidi Naib Canselar baharu UNIMAS

KUCHING, Jumaat — Profesor Dato' Dr Mohd Kadim Suaidi ialah Naib Canselar baharu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), mengambil alih dari Profesor Datuk Dr Khairuddin bin Ab Hamid sejak

16 April 2013.

Sebelum ini Profesor Dato' Dr Mohd Kadim ialah Timbalan Naib Canselar akademik dan antarabangsa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM).

Pagi tadi beliau telah melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya.

Kunjungan itu turut diiringi

oleh Timbalan Naib Canselar (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Timbalan Naib Canselar (Penyelidikan dan Inovasi) UNIMAS Profesor Dr Peter Songan.